

Program Smiles Driver Rewards mengalu-alukan anda

Berikut adalah panduan langkah demi langkah untuk rujukan anda.

Bagaimana menyertai Smiles

1. Bagaimanakah saya menyertai Smiles?

Langkah 1: Dapatkan Kad Smiles dan Borang Permohonan Smiles dari mana-mana stesen servis Esso atau Mobil. Kad Smiles yang dilampirkan bersama Borang Permohonan boleh digunakan terus untuk menghimpun mata ganjaran dengan serta-merta!

Langkah 2: Lengkapkan Borang Permohonan Smiles.

Langkah 3: Untuk kemudahan anda, serahkan Borang Permohonan di mana-mana stesen servis Esso atau Mobil, atau fakskan ke 03-7728 6225, atau poskan kepada Program Smiles Driver Rewards, Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Peti Surat 9158, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46000 Petaling Jaya, Selangor.

Pendaftaran anda akan selesai diproses dalam tempoh maksimum 4 minggu.

2. Perlukah saya membayar yuran keahlian untuk program Smiles Driver Rewards?

Keahlian Smiles adalah PERCUMA!

3. Bolehkah saya mendaftar untuk 2 Kad Smiles di bawah nama saya?

Maaf, setiap ahli layak memohon satu Kad Smiles sahaja.

Bagaimana mengumpul Mata Ganjaran Smiles

4. Bagaimanakah saya boleh mengumpul Mata Ganjaran Smiles?

Gunalah Kad Smiles anda untuk mengumpul mata ganjaran dengan segera di mana-mana stesen servis Esso atau Mobil di Malaysia. Anda akan mendapat 1 Mata Ganjaran Smiles untuk setiap RM1 yang dibelanjakan untuk minyak Synergy, sama ada dibayar secara tunai, kad kredit ATAU dengan Mata Ganjaran Smiles! Jangan lupa menggunakan Kad Smiles untuk menghimpun mata ganjaran setiap kali membuat belian. Semaklah resit belian untuk jumlah mata ganjaran yang diperolehi dan baki mata ganjaran anda.

Bagaimana caranya menebus ganjaran Smiles

5. Bagaimanakah saya membuat penebusan serta-merta dengan Mata Ganjaran Smiles?

Dengan Program Smiles Driver Rewards, anda boleh memilih apa jua yang anda mahu dari kedai serbaneka dan membayarnya dengan Mata Ganjaran Smiles. Serahkan Kad Smiles anda kepada juruwang dan beritahunya bahawa anda ingin membayar dengan Mata Ganjaran Smiles.

Mata Ganjaran Smiles	Nilai belian
100 Mata Ganjaran Smiles	RM1 Barangan* kedai serbaneka
550 Mata Ganjaran Smiles	RM5 Barangan** bukan kedai serbaneka
1,000 Mata Ganjaran Smiles	RM15 Barangan** bukan kedai serbaneka

Contohnya:

Jika anda membeli barangan** bukan kedai serbaneka bernilai RM20,

- Buat penebusan bernilai RM15 dengan 1,000 Mata Ganjaran Smiles
- Dan bayar RM5 tunai

Jika anda membeli barangan* kedai serbaneka bernilai RM4.50,

- Buat penebusan bernilai RM4 dengan 400 Mata Ganjaran Smiles
- Dan bayar 50 sen tunai

6. Bagaimanakah saya menebus ganjaran dari Katalog Smiles Driver Rewards?

Pilih ganjaran anda dari Katalog Smiles Driver Rewards dan lengkapkan Borang Penebusan.

Seterusnya, sama ada:

Serahkan Borang Penebusan di stesen servis Esso atau Mobil yang berhampiran, atau Fakskan Borang Penebusan ke 03-7728 6225, atau Poskan Borang Penebusan yang lengkap kepada: Smiles Driver Rewards, Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Peti Surat 9158, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46000 Petaling Jaya, Selangor.

Borang Penebusan disediakan di stesen servis Esso dan Mobil. Proses penghantaran akan mengambil masa sehingga 4 minggu dari tarikh kami menerima Borang Penebusan anda.

7. Bolehkah saya menggabungkan Mata Ganjaran Smiles saya dengan Mata Ganjaran Smiles isteri/suami/kawan-kawan/saudara-mara untuk menebus ganjaran?

Ya, anda boleh menggabungkan mata ganjaran dengan ahli Smiles yang lain. Begini caranya:

Lengkapkan Borang Penebusan. Kedua-dua pihak perlu menandatangani Borang Penebusan sebagai bukti pengesahan.

Serahkan di mana-mana stesen servis Esso atau Mobil, atau Fakskan Borang ke 03-7728 6225, atau Poskannya ke Smiles Driver Rewards, Pusat Perkhidmatan, Peti Surat 9158, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46000 Petaling Jaya, Selangor.

8. Bagaimanakah saya menyemak baki Mata Ganjaran Smiles?

Baki Mata Ganjaran Smiles anda dicetak di bahagian bawah resit setiap kali anda membuat transaksi di mana-mana stesen servis Esso atau Mobil. Juruwang kami di Esso atau Mobil juga sedia membantu anda menyemak baki Mata Ganjaran Smiles anda. Atau, hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan Smiles di 1-300-880-323, Isnin hingga Jumaat, 9.00 pagi hingga 5.00 petang, dan Sabtu, 9.00 pagi hingga 1.00 petang.

9. Bolehkah Mata Ganjaran Smiles saya ditukar untuk wang tunai?

Tidak. Mata Ganjaran Smiles tidak boleh ditukar untuk wang tunai.

10. Adakah sebarang had ke atas jumlah ganjaran yang boleh ditebus?

Anda boleh menebus seberapa banyak ganjaran yang anda mahu, dengan syarat anda mempunyai Mata Ganjaran Smiles yang mencukupi.

11. Berapa lamakah tempoh penghantaran ganjaran?

Sila luangkan sehingga 4 minggu dari tarikh kami menerima Borang Penebusan sebelum ganjaran dihantar kepada anda. Semua ganjaran katalog akan dihantar menerusi kurier. Untuk mengelakkan sebarang kelewatan dalam penghantaran, pastikan ada orang yang menanti di alamat penghantaran untuk menerima pakejnya.

Pusat Perkhidmatan Pelanggan Smiles	
• Hotline : 1-300-880-323	• Faks : 03-7728-6225
Alamat surat-menyurat	
Program Smiles Driver Rewards, Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Peti Surat 9158, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46000 Petaling Jaya, Selangor.	
Syarat & Peraturan untuk penebusan	
Untuk syarat & peraturan sepenuhnya, sila layari laman web kami di www.exxonmobil.com/smilesmy atau rujuk senarai lengkap syarat yang boleh diperolehi dari mana-mana stesen servis Esso atau Mobil yang turut serta.	

* Kecuali rokok dan perkhidmatan e-pay.

**Kecuali cucian kereta dan perkhidmatan lain di stesen.